

# 39 projek RMK-9 diiklankan Rabu

**SUNGAI SIPUT** 17 Sept. - Sebanyak 39 projek di bawah projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan diiklankan oleh Kementerian Kerja Raya di akhbar-akhbar utama Rabu ini.

Menterinya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, keputusan untuk mengiklankan projek-projek itu untuk di-tender dibuat selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui telefon malam tadi.

Sehubungan itu, katanya, esok beliau akan mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan Pengarah Jalan Jabatan Ker-

**Keputusan untuk mengiklankan projek-projek itu dibuat selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui telefon malam tadi**

ja Raya (JKR) menguruskan proses pengiklankan projek-projek tersebut.

"Saya telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri melalui telefon dari Havana, Cuba berkenaan projek-projek RMK-9 yang diselia oleh kerajaan untuk projek-projek di bawah naungan JKR.

"Hasil perbincangan itu, saya telah menyatakan kepada Perdana Menteri bahawa kementerian akan me-

ngiklankan 39 projek RMK-9 pada Rabu ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Gotong-Royong Penduduk Taman Kamiri di sini, hari ini.

Samy Vellu memberitahu, sebanyak lima projek di bawah JKR dalam RMK-9 sudahpun ditender oleh kontraktor yang layak.

Beliau menambah, daripada 104 projek yang dilak-

sanakan di bawah kementerian pada tahun ini, sebanyak 44 projek sudah disapkan manakala 60 lagi masih dalam proses pembinaan.

"Sebanyak 60 projek yang belum siap ini merangkumi pembinaan bangunan di pelbagai kementerian," katanya.

Menurut Samy Vellu, beliau juga akan mengarahkan JKR untuk menawarkan 20 projek kepada kontraktor dalam tempoh dua minggu lagi.

**S. SAMY VELLU**  
Menteri  
Kerja Raya

Beliau berkata, punca utama kelewatan mengiklankan projek-projek tersebut kerana sebahagian besar melibatkan kementerian lain.